

## 38

### *Wayang Kulit Merangsang Pertuturan Pelajar*

**Rasyidah Ramli**

rasyidah\_ramli@moe.edu.sg

**Rositah Yusof**

rositah\_yusof@moe.edu.sg  
Sekolah Menengah Pei Hwa

#### *Abstrak*

Para pelajar didapati kurang berminat menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan. Ini telah menjejas kelancaran dan keyakinan mereka bertutur. Maka kajian ini bertujuan untuk mencari strategi pengajaran yang berkesan untuk menarik minat pelajar agar mereka dapat bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar dan yakin. Pendekatan yang berteraskan Pembelajaran berasaskan Pengalaman (*Experiential Learning*) telah digunakan sebagai kerangka pengajaran dan pembelajaran lisan. Kajian ini melibatkan 20 pelajar Menengah 3 Ekspres. Dapatkan kajian menerusi penilaian dan maklum balas yang diberikan menunjukkan bahawa para pelajar yang telah menjalani pendekatan Pembelajaran berasaskan pengalaman ini lebih minat dan yakin bertutur dalam Bahasa Melayu menerusi pengajaran seni tradisional Wayang Kulit.

Kata Kunci: Pembelajaran menerusi pengalaman, wayang kulit, pembelajaran lisan kemahiran bertutur



## PENGENALAN

Kemahiran bertutur secara yakin dan lancar adalah suatu kemahiran yang penting apatah lagi dalam abad ke-21 ini. Salah satu matlamat pendidikan hari ini adalah untuk mengasah kemahiran bertutur para pelajar untuk menjadi seorang penutur yang efektif. Namun, tinjauan awal yang telah dijalankan dalam kalangan pelajar Menengah 3 Ekspres menunjukkan bahawa para pelajar kurang berminat untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan atau aktiviti harian mereka. Ini telah menjejas penguasaan bahasa Melayu mereka. Mereka kurang lancar dan kurang yakin dalam menggunakan bahasa Melayu.

Justeru, kajian ini dimulakan dengan tujuan untuk menarik minat pelajar untuk berbahasa Melayu dengan lancar dan yakin. Cabarannya ialah mencari strategi pengajaran yang efektif untuk mengajar kemahiran lisan; khususnya kemahiran bertutur.

Selanjutnya, kertas kajian ini akan membincangkan bagaimana wayang kulit, salah satu seni tradisional Melayu, telah digunakan sebagai bahan utama dalam mengasah kemahiran bertutur para pelajar. Kerangka pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman telah digunakan dengan tujuan agar pelajar dapat terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran lisan ini.

## PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan awal yang dilakukan terhadap pelajar peringkat menengah tiga ekspres menunjukkan bahawa para pelajar walaupun lebih kerap menggunakan bahasa Melayu di rumah bersama anggota keluarga masih kurang berminat terhadap bahasa ini. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan keselesaan mereka menggunakan bahasa Inggeris apabila membaca, mendengar lagu, menonton televisyen serta menggunakan aplikasi-aplikasi yang terdapat kini. Berdasarkan maklum balas kualitatif yang diberikan, para pelajar lebih yakin dan minat menggunakan bahasa Inggeris atas beberapa sebab yang utama seperti:

1. Bahasa Inggeris menjadi dominan dalam perbualan sehari-hari pelajar .



2. Penguasaan kosa kata bahasa Inggeris yang lebih luas berbanding bahasa Melayu
3. Kurang daya tarikan media-media bahasa Melayu

Justeru, pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman telah dijalankan sebagai pendekatan alternatif mengajar kemahiran lisan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Wayang Kulit, salah satu seni tradisional Melayu, telah digunakan sebagai bahan utama dalam mengasah kemahiran bertutur para pelajar.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Untuk meningkatkan kemampuan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu dengan yakin dan lancar; dan
2. Untuk menilai keberkesanan pendekatan Pembelajaran berdasarkan pengalaman (*Experiential Education*) dalam pengajaran kemahiran lisan.

## KAJIAN LEPAS

Pembelajaran berdasarkan Pengalaman dijadikan panduan dalam melakarkan rancangan pengajaran ini. Pembelajaran ini merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh pendidik untuk melibatkan pelajar dalam satu pengalaman langsung dan renungan yang berfokus untuk meningkatkan pengetahuan, membina kemahiran, dan menerangkan nilai-nilai. (*Association for Experiential Education*, para 2).

Tujuan utama untuk memupuk minat pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dengan yakin dan lancar, wayang kulit telah digunakan untuk membina keyakinan ini dan mengasah kebolehan dan kefasihan mereka. Wayang kulit menjadi pilihan memandangkan ia merupakan salah satu tradisi lisan yang sarat dengan nilai dan unsur kebudayaan masyarakat Melayu.

Menurut Muhammad Takari (2013) wayang kulit merupakan suatu bentuk seni pertunjukan untuk masyarakat ramai. Lantas, menggunakan wayang kulit




sebagai wadah untuk memberikan pelajar suatu pengalaman menyampaikan pertunjukan budaya di depan khalayak dapat membina kepercayaan diri pelajar untuk bertutur dengan yakin dan baik, serta menanam minat mereka dalam pembelajaran bahasa dan mendalami budaya masyarakat Melayu.

## KAEDAH KAJIAN

Bagi memupuk minat pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dengan yakin dan lancar, pendekatan Pembelajaran berdasarkan Pengalaman dijadikan panduan dalam pembentukan pakej pengajaran. Masa yang diperuntukkan bagi pengajaran dan pembelajaran ialah 90 minit (2 masa).

Rajah 1: Kerangka Pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman



### Subjek Kajian

Subjek kajian ini adalah para pelajar Menengah 3 aliran Ekspres. Seramai yang 21 pelajar yang terlibat. Pemilihan subjek ini merupakan lanjutan kepada projek yang dijalankan oleh sekumpulan pelajar Menengah 2 Ekspres semasa Program Dwimingguan Ibunda yang dijalankan pada tahun 2014. Projek ini dijalankan dengan tujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada seni tradisional Melayu, Wayang Kulit. Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk mengasah kemahiran bertutur pelajar.



### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan di dalam pengajaran ini ialah penilaian formatif serta sumatif melalui persembahan Wayang Kulit dan ketika menjalani penilaian komponen lisan, iaitu perbualan berdasarkan gambar. Data yang telah dikumpul dan dianalisis berdasarkan dua jenis; kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif melalui maklum balas MCQ dan jawapan terbuka (Lampiran A & B). Kuantitatif berdasarkan data perbualan berdasarkan gambar semasa praujian dan pascaujian (Lampiran D).

### Prosedur Kajian

Kajian ini dilakukan selama dua masa. Tahap pertama merupakan tahap pengajaran dan pembelajaran. Tahap kedua merupakan persembahan pelajar.

Jadual 1 merupakan contohan bagi Pengajaran 1.

Jadual 1: Contoh Pengajaran

Masa	Pengajaran	Rasional	Komponen EE	Bahan
5 min	<b>Set induksi</b> Guru menayangkan video klip wayang kulit.	Memberi pengalaman kepada pelajar mengenai wayang kulit	Pengalaman konkrit	Video klip persembahan wayang kulit
10 min	<b>Pengenalan</b> <b>Perkongsian berpasangan:</b> Selepas aktiviti, guru mendapatkan pelajar untuk membuat renungan tentang apa yang mereka dapat perhatikan. Mereka kaitkan apa yang telah mereka tontoni kepada pengalaman silam mereka . Jawapan mereka dicatat dalam aplikasi Answer Garden.	Pelajar dapat mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan pengalaman mereka.	Renungan berdasarkan pemantauan	Answer Garden



10 min	<p><b><u>Pembangunan</u></b> <b><u>Bahagian 1: Penjelasan guru</u></b></p> <p>Guru menayangkan tayangan video klip persembahan pelajar ketika program DwiMingguan Bahasa Ibunda 2014.</p> <p>Guru menekankan kepentingan aspek pertuturan seperti kepelbagaiannya kosa kata, kejelasan pertuturan, lontaran suara dan ekspresi. Pelajar merujuk kepada rubrik penilaian Wayang Kulit.</p> <p>Para pelajar berpecah kepada kumpulan masing-masing. Guru memberi arahan untuk aktiviti kedua.</p>	Mengajar pelajar komponen-komponen penting dalam pertuturan	Konsepsualis asri abstrak	Video klip persembahan pelajar  Slaid powerpoint  Rubrik penilaian Wayang Kulit (Lampiran C)
15 min	<p><b><u>Bahagian 2: Aktiviti pelajar</u></b></p> <p>Pelajar membahagikan watak masing-masing. Mereka perlu menghafal skrip yang diberi. Mereka juga perlu berbincang tentang bagaimana ingin menyelesaikan cerita yang diberi secara kreatif.</p>	Memantau pemahaman pelajar	Aplikasi	Skrip Wayang Kulit
10 min	<p><b><u>Kesimpulan</u></b></p> <p>Satu kumpulan telah dipilih untuk membuat persembahan percubaan. (tanpa penutup)</p> <p>Pelajar menilai persembahan mereka dengan menggunakan rubrik penilaian rakan.</p> <p>Maklum balas diberi oleh para pelajar berdasarkan rubrik penilaian rakan.</p> <p>Guru mencelah untuk menambah jika perlu.</p>			

Tahap kedua pengajaran merupakan persembahan Wayang Kulit pelajar. Pelajar diberikan rubrik penilaian untuk menilai persembahan wayang kulit rakan




mereka. Tujuan penilaian ini untuk mengukur tahap persembahan mereka sendiri juga mencabar daya kreativiti mereka dalam menyelesaikan cerita mereka.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini diperolehi daripada data kualitatif dan juga kuantitatif. Data kualitatif ini didapatkan menerusi dua maklum balas yang bersifat MCQ dan jawapan terbuka. Kesemua 21 pelajar telah memberikan maklum balas. Maklum balas yang pertama dijalankan untuk meninjau minat serta keupayaan para pelajar terhadap bahasa Melayu. Rajah 1 merupakan dapatan daripada maklum balas yang pertama.

Rajah 1: Dapatan Maklum Balas Pertama



1. Bahasa yang digunakan di rumah bersama keluarga.	2. Bahasa yang digunakan di sekolah bersama rakan-rakan berbangsa Melayu.
3.	3.
4. Bahasa yang lebih selesa bagi saya.	5.
5.	6. Bahasa yang lebih mencabar bagi saya.
7. Saya gemar mendengar lagu dalam bahasa _____.	9. Saya gemar menonton rancangan televisyen dalam bahasa _____.
8.	
10. Saya gemar membaca buku dalam bahasa _____.	11. Apabila saya menggunakan aplikasi di telefon bimbit (seperti Whatsapp atau Twitter) atau komputer/komputer riba (seperti YouTube), saya lebih cenderung menggunakan bahasa _____.




Secara keseluruhan, para pelajar walaupun lebih kerap menggunakan bahasa Melayu di rumah bersama anggota keluarga masih kurang minat terhadap bahasa ini. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan keselesaan mereka menggunakan bahasa Melayu serta bahasa yang dipilih apabila membaca, mendengar lagu, menonton televisyen serta menggunakan aplikasi-aplikasi yang terdapat kini. J

ika kita melihat maklum balas kualitatif yang diberikan, para pelajar lebih yakin dan minat menggunakan bahasa Inggeris atas beberapa sebab yang utama seperti penggunaan bahasa Inggeris yang lebih meluas dan kurang daya tarikan media-media bahasa Melayu

Maklum balas yang kedua telah dijalankan setelah para pelajar melalui pembelajaran yang menggunakan wayang kulit sebagai satu strategi pengajaran untuk menarik minat serta meningkatkan keyakinan mereka dalam bahasa Melayu. Rajah 2 merupakan maklum balas kedua murid selepas penggunaan wayang kulit diperkenalkan bagi merangsang perbualan lisan pelajar.

Rajah 2: Dapatan Maklum Balas 2



1. Kelas yang dijalankan seronok.	2. Kelas yang dijalankan telah membawa banyak manfaat kepada diri saya.
3. Kelas yang dijalankan telah meningkatkan keyakinan saya menggunakan bahasa Melayu.	4. Kelas yang dijalankan telah meningkatkan minat saya terhadap budaya Melayu.
5. Kelas-kelas seperti ini berjaya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu saya.	

Secara keseluruhan kelas bahasa Melayu yang menggunakan pendekatan penerapan unsur budaya seperti wayang kulit ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar:

1. 90% pelajar lebih seronok mengikuti kelas bahasa Melayu
2. 85% Lebih yakin menggunakan bahasa Melayu
3. 75% lebih berminat mengenai budaya dan bahasa Melayu

Aktiviti yang dijalankan berjaya kerana memberi ruang kepada kreativiti para pelajar, memberikan mereka peluang untuk bermain peran serta memberi peluang untuk mereka menggunakan bahasa Melayu dengan suara yang lantang serta nada dan intonasi yang betul.

Guru juga akan mengambil kira beberapa saranan para pelajar yang disuarakan untuk meningkatkan lagi minat dan keyakinan mereka terhadap bahasa Melayu. Maklum balas yang diperolehi sebelum dan setelah kelas dijalankan dapat serba sedikit memberikan gambaran kejayaan pendekatan alternatif yang dianjurkan guru.

Dari segi kuantitatif pula, penilaian dilakukan berdasarkan pemarkahan peperiksaan akhir tahun 2014 khususnya bahagian perbualan bergambar dan penilaian pertengahan tahun 2015. 85% pelajar menunjukkan peningkatan dalam markah perbualan mereka. 15% masih di tahap yang sama.

## KESIMPULAN

Pakej pengajaran yang berpandukan pendekatan Pembelajaran berasaskan Pengalaman, ini dapat menarik minat dan meningkatkan keyakinan para pelajar. Wayang Kulit, suatu seni tradisional Melayu, dijadikan satu bahan pengajaran



yang menarik. Gabungan instrumen ICT juga telah dapat meningkatkan pelibatan pelajar dalam pembelajaran.

Pakej pengajaran ini merupakan satu eksperimen yang bertujuan untuk mengasah meningkatkan minat dan keyakinan para pelajar menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan mereka. Berdasarkan data kualitatif, pelajar berasa seronok dapat belajar lisan dengan cara yang baru. Melalui persembahan wayang kulit, mereka dapat main peranan, berfikir secara kreatif dan bekerja secara berkumpulan.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

- Mohamad Arizal Ahmad
- Noordiyana Muhamad Shariff

## RUJUKAN

Norliza Abdul Hamid, dan Nuraini Abdul Gapor, (2014). Meningkatkan Keberkesanan Kembara Ilmu Berpandukan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman ‘Experiential Learning’ hlm 197-217. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Unit Bahasa Melayu : Oxford Graphic Printers Pte Ltd

## SUMBER INTERNET

Muhammad T Akari, (2013). Tradisi Lisan Di Alam Melayu: Arah dan Pewarisannya hlm 7-8. Dipetik pada 31 Mac 2015, dari [http://www.researchgate.net/profile/Muhammad\\_Takari/publication/259188251\\_TRADISI\\_LISAN\\_DI\\_ALAM\\_MELAYU/links/00b4952a47f49bf786000000/index.htm](http://www.researchgate.net/profile/Muhammad_Takari/publication/259188251_TRADISI_LISAN_DI_ALAM_MELAYU/links/00b4952a47f49bf786000000/index.htm)  
Association for Experiential Education. <http://www.aee.org> Bloom Taxonomy of Learning Domains. Dipetik pada 31 Mac 2015, dari <http://www.nwlink.com/~donclark/hrd/bloom.h>



**LAMPIRAN A****MAKLUM BALAS (1)**

No.	Soalan	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
1	Bahasa yang digunakan di rumah bersama keluarga.	14	7
2	Bahasa yang digunakan di sekolah bersama rakan-rakan berbangsa Melayu.	14	7
3	Bahasa yang lebih selesa bagi saya.	6	15
4	Bahasa yang lebih mencabar bagi saya.	12	9
5	Jika kamu menjawab bahasa Inggeris bagi 2 daripada 4 soalan di atas, sila jawab soalan di bawah ini, Mengapakah kamu kurang keyakinan menggunakan bahasa Melayu?	1. Saya menggunakan bahasa Melayu pasar maka agak susah untuk menggunakan bahasa Melayu baku dalam bilik darjah. 2. Susah untuk mencari kosa kata bahasa Melayu. 3. Kurang pasti dengan penggunaan kosa kata bahasa Melayu. 4. Ahli keluarga saya lebih fasih berbahasa Inggeris di rumah. 5. Kosa kata bahasa Melayu terhad.	
6	Saya gemar mendengar lagu dalam bahasa _____.	2	19



7	Saya gemar menonton rancangan televisyen dalam bahasa _____.	2	19
8	Saya gemar membaca buku dalam bahasa _____.	2	19
9	Apabila saya menggunakan aplikasi di telefon bimbit (seperti Whatsapp atau Twitter) atau komputer/komputer riba (seperti YouTube), saya lebih cenderung menggunakan bahasa _____.	1	20
10	Jika kamu menjawab bahasa Inggeris bagi 3 daripada 4 soalan di atas, sila jawab soalan di bawah ini, Mengapakah kamu lebih selesa dengan media atau aplikasi dalam bahasa Inggeris?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Media dan aplikasi bahasa Inggeris lebih menarik.</li> <li>2. Bahasa Inggeris lebih dominan dalam aplikasi-aplikasi yang terdapat di internet dan telefon bimbit.</li> <li>3. Media Melayu seperti filem tidak mempunyai tema yang menarik.</li> <li>4. Kalau cerita Melayu mesti ada gambaran tentang percintaan atau di kubur atau hospital.</li> <li>5. Bahasa Inggeris lebih bersifat sejagat untuk berkomunikasi dengan kawan-kawan.</li> </ol>	



**LAMPIRAN B**

**MAKLUM BALAS (2)**

No.	Soalan	Ya	Tidak
1	Kelas yang dijalankan seronok.	18	2
2	Kelas yang dijalankan telah membawa banyak manfaat kepada diri saya.	17	3
3	Kelas yang dijalankan telah meningkatkan keyakinan saya menggunakan bahasa Melayu.	17	3
4	Kelas yang dijalankan telah meningkatkan minat saya terhadap budaya Melayu.	15	5
5	Satu sebab kelas ini berjaya menarik minat saya ialah kerana	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Suatu pelajaran yang baharu.</li><li>2. Memberi ruang untuk kreativiti (para pelajar mencipta bahagian akhir cerita).</li><li>3. Dapat main peranan (watak-watak wayang kulit).</li><li>4. Diberi peluang berlakon, melihat rakan berlakon.</li><li>5. Dapat bekerja secara berkumpulan.</li><li>6. Mengenali budaya Melayu.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kelas ini tidak menarik bagi saya.</li></ol>



		7. Berpeluang menggunakan bahasa Istana.	
6	Satu sebab kelas ini telah membina keyakinan diri saya ialah	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Saya dapat membentang di hadapan kelas bersama rakan (sebagai pelakon atau pencerita).</li> <li>2. Bercakap dengan lantang dan menggunakan nada dan intonasi yang betul di hadapan kelas.</li> </ul>	Tiada sebarang ulasan yang negatif.
7	Saranan saya setelah mengikuti kelas ini ialah	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menggunakan cerita yang lebih menarik.</li> <li>2. Menggunakan cerita kami sendiri.</li> <li>3. Menggunakan lebih banyak watak agar lebih ramai pelajar boleh berlakon.</li> <li>4. Memberi setiap kumpulan cerita yang berbeza.</li> <li>5. Membina prop kami sendiri.</li> <li>6. Memberi lebih masa untuk persediaan dan persembahan.</li> <li>7. Mengadakan kelas lakonan.</li> </ul>	Tiada sebarang ulasan yang negatif.
8	Kelas-kelas seperti ini berjaya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu saya.	19	1



**LAMPIRAN C**

Sekolah Menengah Pei Hwa

## Rubrik penilaian persembahan wayang kulit

	9 - 10	6 - 8	3 - 5	1 - 2
Kosa kata	Menggunakan kosa kata yang amat sesuai dengan jalan cerita.	Terdapat beberapa kosa kata sahaja yang sesuai dengan jalan cerita.	Kebanyakan kosa kata kurang sesuai dengan jalan cerita.	Menggunakan kosa kata yang kurang sesuai dengan jalan cerita.
Kejelasan pertuturan	Bertutur dengan jelas hampir pada sepanjang persembahan (85-100%). Tiada kesilapan pada sebutan.	Bertutur dengan jelas hampir pada sepanjang persembahan (85-100%). Terdapat beberapa kesilapan kecil pada sebutan.	Bertutur dengan agak jelas semasa membuat persembahan (70-84%). Terdapat beberapa kesilapan yang ketara pada sebutan.	Pertuturan yang tidak jelas dan tidak dapat difahami. Terdapat banyak kesilapan yang ketara pada sebutan.
Lontaran suara	Suara pembentang sentiasa dapat didengar oleh penonton yang berada di barisan belakang.	Suara pembentang masih boleh kedengaran oleh penonton yang berada di barisan belakang walaupun kurang kuat.	Suara pembentang kadang-kadang dapat didengar oleh penonton yang berada di barisan belakang.	Suara pembentang kurang kedengaran hampir setiap masa oleh penonton yang berada di barisan belakang.



Ekspresi	Suara pembentang memaparkan ekspresi dan emosi yang jelas hampir setiap masa.	Suara pembentang kadang-kadang memaparkan ekspresi dan emosi yang jelas.	Suara pembentang kurang memaparkan ekspresi dan emosi yang jelas.	Suara pembentang tidak memaparkan sebarang ekspresi dan emosi.
Kreativiti dalam menyambung jalan cerita	Secara keseluruhannya, jalan cerita mempunyai penutup yang sesuai. Terdapat nilai baru serta sesuai yang ditambah pada cerita tersebut.	Jalan cerita mempunyai penutup yang sesuai. Terdapat nilai sesuai yang lain daripada nilai asal cerita.	Jalan cerita mempunyai penutup yang sesuai. Nilai dalam cerita asal dapat dikekalkan.	Jalan cerita agak samar dan penutup dilakukan dengan terburu-buru. Nilai dalam cerita asal dapat dikekalkan.



**LAMPIRAN D**

NO	KELAS	Tahun	2014	2015
		Jenis	Perbualan	Perbualan
		<b>Nama/Markah</b>		
		<b>Penuh</b>	<b>20</b>	<b>20</b>
1	3E1		14	14
2			14	15
3			12	15
4			13	15
5	3E2		15	16
6			14	15
7			14	16
8			12	14
9	3E3		14	15
10			14	16
11			15	15
12	3E4		13	14
13			10	10
14			14	15
15			12	14
16			16	16
17			12	14
18			14	14
19			14	18
20			15	16

